



Pada 1 dan 2 Oktober 2011, Exco Sukan dan Rekreasi Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) telah menganjurkan Kem Keluarga SSMP 2011. Program ini bertujuan menyambut kedatangan 189 para pelajar Tahun Satu di samping mengeratkan hubungan di antara para peserta dengan Ahli Jawatankuasa (AJK) PMSSMP dan para pelajar SSMP yang lain. Kem Keluarga SSMP 2011 merupakan aktiviti yang julung-julung kali diadakan oleh PMSSMP. Ianya telah diadakan di ODEC, UMS selama 2 hari 1 malam.

Kem Keluarga SSMP ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Rosni bin Sulaiman, selaku Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), dan Penasihat PMSSMP. Kem ini juga telah disertai oleh dua orang Tutor SSMP iaitu Encik Ahmad Riduan Bahaudin dan Cik Noorakmar Ab. Wahab.

Sebelum itu, bacaan doa oleh saudara Muhammad Ashraf bin Mohamed Makki telah disempurnakan, dan diteruskan dengan ucapan ringkas dari saudara Lim Khang Wee, selaku Pengerusi Aktiviti. Taklimat keselamatan telah disampaikan oleh Ketua Unit Keselamatan bagi aktiviti ini, iaitu saudari Haslinda Binti A. Abu. Kira-kira jam 2.30 petang, maka bermulalah aktiviti 'ice breaking'. Di antara aktiviti yang dijalankan termasuklah 'The Name Game', 'Name Toss', 'Who Am I', 'Show Me The Number', 'Message Chain', dan 'Mimic Me'.

Aktiviti pada sebelah malam, melibatkan persembahan budaya oleh para peserta. Setiap kumpulan disyaratkan mempersembahkan sekurang-kurangnya sebuah sketsa berdasarkan petunjuk yang diberikan semasa taklimat. Manakala persembahan dinilai oleh Encik Ahmad Riduan Bahaudin, Cik Noorakmar Ab

Wahab, Pengarah Aktiviti, Timbalan Pengarah I, dan Timbalan Pengarah II bagi aktiviti ini.

Hari kedua, senamrobik telah diadakan pada jam 6.30 pagi. Selepas itu, semua pelajar telah berkumpul dan dibahagikan mengikut kumpulan untuk membersihkan kawasan ODEC. Jam 7.30 pagi, taklimat aktiviti mencari harta karun atau 'Treasure Hunt' diberikan. Setiap kumpulan diberikan peta sebagai petunjuk dan peraturan aktiviti juga dijelaskan. Pelbagai aktiviti diadakan pada pagi tersebut. Antaranya adalah 'Mimic People', 'Water Ping Pong', 'Smack Chair', 'Fear Factor', 'Dodge Ball', 'Sensory Testing', 'Helicopter', 'Plasticine', dan 'Food Race'. Pada jam 12 petang, majlis penutupan telah diadakan dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Dr. Mohd Rosni Sulaiman. Kem Keluarga SSMP 2011 telah bersurai sekitar jam 1.30 petang.

